

Tawaran ini adalah dipelawa daripada kalangan syarikat-syarikat yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB)** atau/dan berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di dalam bidang seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan **Perkhidmatan/Kerja** seperti berikut :-

BUTIR BUTIR TAWARAN	TARIKH DAN MASA TAWARAN DITUTUP
No. Tawaran: UiTM/B1/PER/T/K/0225/0003 KERJA MEMBAIKPULIH, MENAIKTARAF SERTA KERJA - KERJA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN BLOK A UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DI UiTM KAMPUS JALAN OTHMAN, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN Kod Bidang (Wajib) : G5 - B - B28, G5 - CE - CE21 Kod Bidang (Pilihan) :	30 April 2025 (Rabu) jam 12:00 petang

1. Tawaran ini dibuat secara atas talian (online) melalui laman web FinEProcurement Plus Universiti (<https://myeppplus.uitm.edu.my/>) **mulai 26/03/2025.**

2. Syarikat yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat pada **09 April 2025 (Rabu) jam 10:00 pagi**, di **Dewan Kuliah 1, Blok B, UiTM Kampus Jalan Othman, Petaling Jaya, Selangor** DAN lawatan tapak pada **09 April 2025 (Rabu) jam 10:45 pagi**, di **Blok A, UiTM Kampus Jalan Othman, Petaling Jaya, Selangor**. Hanya Petender / Penyebut Harga yang menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan menyertai tawaran ini. Kontraktor yang **TIBA LEWAT** dari masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat / Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :

- I. Tidak dibenarkan menyertai Taklimat / Lawatan Tapak
- II. Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
- III. Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Tender / Sebut Harga yang dibuka ini dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan

3. **Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak tender / sebut harga. Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam sijil yang dinyatakan. (rujuk kelayakkan tawaran yang berkaitan)**

4. Petender / Penyebut Harga dikehendaki membawa **SALINAN** Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Sijil Bumiputera (jika ada) semasa menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak. (rujuk kelayakkan tawaran yang berkaitan)

5. Tawaran yang lengkap hendaklah dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem FinEProcurement Plus pada atau sebelum **30 April 2025 (Rabu) jam 12:00 petang**. Tawaran yang tidak dikunci masuk (key-in) sebelum waktu tutup tawaran **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. Dokumen sokongan secara manual hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke Peti Tender / Sebut Harga di Seksyen Pelawaan Tender & Sebut Harga, Unit Perolehan, Bahagian Perolehan & Aset, Jabatan Bendahari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan seperti tarikh dan masa dinyatakan. Nombor ID hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di bahagian atas sebelah kiri sampul tersebut.

7. Syarikat yang berminat hendaklah berdaftar di sistem FinEProcurement Plus dan bayaran sebanyak RM400.00 akan dikenakan bagi tempoh pendaftaran selama dua (2) tahun. Bayaran boleh dibuat menggunakan Wang Tunai/ Deraf Bank atas nama BENDAHARI UiTM.

